

Malaysia kini berada di hadapan dalam menggunakan teknologi hibrid

# Hab latihan kenderaan elektrik

**KUALA LUMPUR** – Institut Industri Motor (IMI) yakin terhadap potensi Malaysia untuk menjadi hab latihan serantau utama bagi kenderaan elektrik, berasaskan tahap kebersediaan negara ini dalam menerima pakai teknologi tersebut.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Steve Nash berkata, berbanding negara lain di rantau ini, Malaysia dilihat lebih ke hadapan dalam menggunakan teknologi kenderaan elektrik sejajar dengan permintaan meningkat terhadap pasaran kenderaan jenis tersebut dan hibrid.

“Semenjak tahun lepas, IMI telah bekerjasama rapat dengan kerajaan Malaysia untuk menyediakan bantuan latihan

menyeluruh terhadap industri tempatan yang memberi penekanan kepada kenderaan elektrik dan hibrid.

“Ini dilaksanakan sejajar dengan matlamat negara ini yang komited untuk menjadi hab serantau bagi kenderaan cekap tenaga (EEV),” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas sesi persidangan bertajuk *Upskilling to Meet Industry's Needs* di sini semalam.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Bermaz Motor Sdn. Bhd., Datuk Seri Ben Yeoh.

Sementara itu, menurut Nash, antara yang dilakukan IMI dalam menyediakan bantuan latihan menyeluruh kepada industri tempatan termasuk meluluskan pusat latihan bagi

kenderaan EEV khusus untuk melengkapkan para juruteknik dengan skil-skil EEV.

“Ia termasuklah Pusat Teknologi Kenderaan Elektrik dan Hibrid Kolej Komuniti Kepala Batas, Pulau Pinang serta Kolej Komuniti Pekan, Pahang yang merupakan antara Pusat Diluluskan oleh IMI,” katanya.

IMI merupakan sebuah pertubuhan profesional bagi penggiat industri permotoran dari Britain yang menyediakan lebih 250 kelayakan dan akreditasi teknikal serta bukan teknikal menerusi sejumlah 560 rakan latihan di lebih 13 negara secara global.

Di Malaysia sahaja, IMI mempunyai 24 Pusat Diluluskan yang terdiri daripada kolej komuniti dan syarikat automatif.



NASH (dua dari kiri) dan Ben Yeoh (dua dari kanan) bersalaman selepas sesi persidangan anjuran IMI di Kuala Lumpur semalam.